

16 Julai, 1981

-Hussein dianugerahkan- bintang tertinggi SMN

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Hussein Onn akan dianugerahkan pangkat pertama Darjah Yang Mulla Pangkuan Negara Bintang Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) yang membawa gelaran Tun, esok.

Darjah tersebut akan dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong di satu istiadat di Istana Negara, sebaik sahaja selesai upacara mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Upacara itu akan disaksikan

oleh Raja Permaisuri Agong, Datuk Seri Dr. Mahathir, Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan Datin Suhailah.

Selesai upacara itu, Datuk Hussein akan mengiringi Datuk Seri Dr. Mahathir ke Jabatan Perdana Menteri untuk menyerahkan tugas yang dipikulnya sejak lima tahun lalu.

Selepas itu, Datuk Hussein akan menemui ketua-ketua jabatan di JPM untuk mengucapkan selamat tinggal sambil memperkenalkan Perdana Menteri baru. — Bernama

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia